

Isis rancang culik Najib, Hishammuddin, kata Zahid
Malaysian Insider
March 8, 2016
Oleh Mohd Farhan Darwis

Kumpulan pengganas militan Negara Islam Iraq dan Syria (Isis) merancang menculik pimpinan tertinggi negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Dewan Rakyat hari ini.

Termasuk dalam senarai mereka ialah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan beliau sendiri selaku menteri dalam negeri, kata Zahid.

Katanya, kumpulan militan itu juga merancang memusnahkan masjid Syiah dan rumah ibadat penganut Buddha serta memusnahkan pusat hiburan dan perjudian di dalam negara.

"Tiga belas elemen Isis merancang untuk menculik pemimpin negara termasuk perdana menteri, menteri dalam negeri dan menteri pertahanan," kata Zahid pada sesi soal jawab lisan di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Abdul Manan Ismail (BN-Paya Besar) yang meminta kerajaan menyatakan kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggagalkan plot rancangan serangan pengganas Isis di negara ini.

Selain itu, Zahid berkata pasukan keselamatan juga mendapati militan berkenaan mempunyai 4 plot rancangan serangan di Malaysia yang berjaya dipatahkan.

"Pada September 2014 Isis rancang nak uji bahan letupan buatan sendiri di Alor Star. Serangan disasarkan di beberapa lokasi di Kedah, antaranya masjid Syiah dan tokong Cina.

"Mereka juga rancang untuk mencuri senjata di kem tentera dan lapang sasaran di Kedah.

"Mereka juga merancang merompak van syarikat keselamatan yang membawa wang tunai dari Genting Highlands sebagai dana untuk melancarkan jihad," kata Zahid.

Beliau berkata, turut dikesan, pada April 2015, 11 orang ahli Isis merancang memusnahkan beberapa pusat hiburan, maksiat dan perjudian di ibu negara.

"Mereka turut rancang nak letupkan Putrajaya. Bagi tujuan tersebut, satu persiapan untuk ujikaji letupan bom dibuat," katanya.

Zahid berkata, beberapa langkah juga diambil kementeriannya bersama agensi kerajaan dalam menjalinkan kerjasama serantau bagi menangani kesan Isis.

Beliau berkata, setakat hari ini, tangkapan di bawah Akta Langkah-Langkah Khas

(Pencegahan Keselamatan) (Sosma) adalah seramai 56, Akta Pencegahan Jenayah (Poca) seramai 29, Akta Pencegahan Keganasan (Pota), 10, undang-undang lain 49. – 8 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/isis-rancang-cuba-culik-najib-hishammuddin-kata-zahid>